

**INFO**

**Persoalan ini sering berlegar di fikiran kita mengenai kucing dan sering mendapat jawapan yang pelbagai. Mari kita lihat jawapan kepada persoalan yang kerap berlegar dan didengari berkaitan kucing.**

⊙ **Jika sudah tidak mahukan kucing, lepaskan di mana-mana saja.**

Sikap yang memalukan bagi segelintir masyarakat Malaysia. Golongan ini akan berkata bahawa kucing binatang berdikari. Ia adalah alasan untuk memberi justifikasi bahawa mereka tidak bersalah dengan tindakan itu. Bukan soal berdikari atau tidak, kucing peliharaan yang mendapati diri mereka



ditinggalkan akan cenderung mati kerana kelaparan, cedera kerana pergaduhan dengan kucing lain, penyakit atau dilanggar kenderaan. Jika tidak mahu lagi membela kucing, carikan rumah baru atau membawanya ke pusat perlindungan.

⊙ **Semua kucing jantan suka kencing.**

Kencing yang dimaksudkan adalah spraying, iaitu satu bentuk perilaku menanda sempadan kawasan. Kucing jantan yang tidak di neuter (sunat) kemungkinan melakukan spray. Ini juga satu sebab yang bagus mengapa anda perlu membawa kucing anda ke klinik veterinar untuk "disunat". Kucing betina juga akan melakukan spray tetapi tidaklah kerap seperti kucing jantan.

⊙ **Kucing jualan/ luar tidak boleh diubah menjadi kucing rumah.** Boleh, dan tidaklah

terlalu susah. Mudah jika memastikan kucing anda mendapat rangsangan mental mencukupi. Adalah lebih baik jika anda mempunyai halaman rumah atau kebun kecil yang tertutup untuk kucing menghirup udara luar selain mengelakkan kebosanan.

4. **Kucing amat berdikari dan sesuai untuk yang sibuk dengan kerjaya.**

Ia bergantung kepada jenis kucing. Sebahagian kucing lebih berdikari berbanding yang lain tetapi kucing juga memerlukan teman. Jika anda mempunyai gaya hidup yang sibuk, anda boleh memilih dua ekor kucing supaya mereka boleh mene-mani rakan masing-masing ketika kita tiada di rumah.


⊙ **Kucing rumah tidak akan mendapat penyakit/ parasit.**

Kebanyakan virus atau bakteria merebak melalui udara dan boleh dibawa masuk ke dalam rumah melalui udara atau pada pakaian seseorang. Kutu dan lain-lain parasit juga boleh dibawa masuk melalui pakaian.

⊙ **Meletakkan loceng pada kolar kucing akan menghentikannya memburu burung dan tikus.**

Ada berjaya, tetapi ada juga tidak. Ada kajian mengatakan kucing mempunyai loceng memiliki kemahiran memburu lebih baik kerana lama-kelamaan mereka belajar untuk bergerak tanpa membunyikan loceng. Ini menjadikan mereka pemburu yang lebih senyap dan bagus.

⊙ **Semua kucing bencikan air. Kebanyakan kucing memang benci air tetapi tidak semua.** Kucing Turkish Van misalnya dikenali sebagai kucing yang sukakan air dan gemar berenang. Kucing Bengal dan Norwegian Forest Cat juga suka bermain dengan air, walaupun tidak suka berenang.



# Khidmat hotel kucing

» Tempat 'penginapan' sementara dilengkapi dengan **pemakanan, keselamatan dan penjagaan sempurna**

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bharian.com.my

**K**edatangan Aidilfitri nanti atau ketika hendak bercuti, pasti mengundang sedikit masalah memikirkan sama ada mahu membawa pulang haiwan peliharaan kesayangan ini ke kampung halaman atau ditinggalkan di rumah.

Jika dibawa bersama pulang ke kampung halaman, dikhawatiri kucing tidak selesa kerana perjalanan jauh. Namun jika ditinggalkan di rumah, keselamatan kucing tidak terjamin selain penjagaan kebersihan dan makanan tidak teratur dan dikhawatiri kehabisan makanan.

## Hotel kucing

Cara yang paling praktikal dan disarankan adalah hantar ke hotel kucing kerana di sini kucing anda



## Berkorban demi minat

Apa yang membezakan Azman dan rakan kongsinya, Kamsol Mascuri dengan hotel kucing yang lain adalah mereka melakukan kerja ini kerana minat terhadap kucing bukan berasaskan keuntungan.

"Kami tiada pekerja, semuanya dilakukan oleh saya dan Kamsol. Malah jika hari raya juga kami terpaksa berkorban kerana memikirkan tanggungjawab yang diberikan kepada kami."

"Terpaksa buat jadual tugas dan mengikut giliran pulang ke kampung halaman. Begitu juga ketika malam kadangkala sehingga jam 2 pagi baru kami pulang ke rumah, esoknya pagi-pagi lagi sudah sampai ke kedai" katanya.

Inilah pengorbanan yang perlu dilakukan oleh mereka sejak membuka Animal Ark pada 2009. Selain pengorbanan masa mereka juga mengorbankan duit dan tenaga dalam menguruskan Animal Ark.

Malah Azman dan Kamsol sanggup melepaskan kerjaya mereka dan menumpukan sepenuh masa dalam menguruskan Animal

Ark, walaupun pada mulanya mereka hanya bersahndarkan kepada minat dan langsung tiada kemahiran.

### Beri kepuasan

Mereka juga peminat kucing dan selain memberikan kepuasan kepada diri sendiri mereka ingin memberi pengetahuan kepada pemilik kucing yang lain mengenai penjagaan kucing dengan betul.

"Selain menjual barangan kucing dan perkhidmatan hotel, kami juga sediakan perkhidmatan dandan kucing seperti mandi, potong kuku, penjagaan kebersihan mata, mulut dan telinga."

"Malah ia juga turut dilakukan oleh kami berdua. Semua perkara kami lakukan tanpa ada pekerja. Kami merasakan jika ingin mengambil pekerja, mereka perlulah seorang yang betul-betul sayang dan minat terhadap kucing," katanya.



Antara keperluan yang dijual di Animal Ark.

(FOTO AZMAN & KAMSOL BH)

dilayan seperti di rumah.

Terdapat banyak kedai haiwan peliharaan menyediakan perkhidmatan hotel kucing, bergantung kepada harga dan persekitaran sama ada inginkan "perkhidmatan bertaraf lima bintang" atau biasa.

Apa yang penting adalah keselesaan kucing anda selain penjagaan makan dan minum dengan sempurna.

Satu kedai haiwan peliharaan yang menyediakan perkhidmatan hotel kucing adalah Animal Ark di Setapak, Kuala Lumpur. Selain menjual barangan keperluan kucing, Animal Ark turut menyediakan perkhidmatan hotel kucing.

Pengurusnya, Azman Md Dom, berkata aspek paling utama dalam memilih hotel kucing adalah persekitaran selain melihat juga kepada cara jagaan pihak 'hotel' terhadap kucing.

**“KENA TENGOK PERSEKITARAN HOTEL DAN LIHAT DULU BAGAIMANA MEREKA MENJAGA KUCING. APA YANG PENTING ADALAH KESELESAAN SELAIN PEMBERIAN MAKAN YANG BETUL”**

Azman Md Dom,  
Pengurus Animal Ark

"Kena tengok persekitaran hotel dan lihat dulu bagaimana mereka menjaga kucing. Apa yang penting adalah keselesaan selain pemberian makan yang betul."

"Kebanyakan yang datang adalah kucing rumah, manja dan suka dibelai. Jika berjauhan dengan tuannya, pasti kucing ini berasa tidak selesa dan boleh bawa penyakit. Jadi peranan penjaga hotel kucing bukan saja memberi makan tetapi melayan keronah kucing," katanya.

Animal Ark boleh menerima sehingga 40 kucing dewasa dalam satu-satu masa dan kebiasaannya ketika menjelang cuti perayaan, jumlah kucing yang diterima melebihi kuota ditetapkan sehingga terpaksa menolak kucing yang datang pada saat akhir.

Pentingkan kesihatan  
"Kami mementingkan kesihatan kucing, sebab itu menggunakan air bertapis

selain makanan kering terbaik. Makanan juga diberi mengikut sukatan yang sesuai untuk jangka masa beberapa kali sehari."

"Kucing yang menghidap penyakit berjangkit seperti selesema, kutu dan kurap kami tidak terima, kerana dikhawatiri berjangkit kepada kucing lain. Untuk musim perayaan, kami gunakan ubat kutu sebagai langkah pencegahan," katanya.

Animal Ark turut dilengkapi sistem kamera litar tertutup (CCTV), penggera keselamatan dan sistem pengudaraan yang teratur.

Pada waktu malam, kucing yang berada di sini dibenarkan tidur sendiri dan hanya dipantau melalui CCTV oleh Azman dan Kamsol dari rumah.

Oleh kerana sistem penjagaan dan pengurusan yang teratur dan selamat, membolehkan kucing yang berada di hotel boleh dipantau dari jauh.